

Berita KUKUM



KUKUM ANJUR MALAM MESRA MEDIA

Unit Komunikasi Korporat, Jabatan Canselori, Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) menganjurkan Malam Mesra 2006 yang diadakan pada 16 April. Majlis yang diadakan di Hotel Putra Palace, Kangar berjaya mengumpulkan hampir kesemua wartawan media cetak dan elektronik yang mewakili agensi masing-masing di negeri Perlis.

Tujuan majlis tersebut diadakan untuk mengeratkan hubungan di antara pihak media iaitu media cetak dan elektronik dengan KUKUM di samping mengenali dengan lebih jelas bidang kerja dan etika kewartawanan. Menurut Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin, Rektor KUKUM berkata, tidak dapat dinafikan peranan media dalam memberi publisiti terhadap KUKUM amatlah besar. Dengan publisiti tersebut, masyarakat awam telahpun mengenali KUKUM dengan meluas serta mendalam mengenai peranannya dalam usaha untuk melahirkan jurutera yang berkemahiran tinggi. Jadi Malam Mesra Media KUKUM 2006 diadakan untuk menghargai jasa atau sumbangan pihak media dalam memperkenalkan KUKUM di mata masyarakat awam.

Kemuncak pada malam itu, diadakan Anugerah Liputan Terbaik 2005 yang julung-julung kali diadakan. kategori media cetak telah dimenangi oleh En. Adnan Jahaya dari agensi Bernama menerusi berita yang bertajuk "KUKUM Akan



Wujudkan Pusat Pengajian Bioproses". Manakala bagi kategori media elektronik pula dimenangi oleh RTM menerusi Segmen Khas Selamat Pagi Malaysia. Mereka telah memenangi hadiah wang tunai berjumlah RM 1000 dan plak.

Malam yang berkonsepkan santai disambut secara sederhana telah diserikan dengan persembahan nyanyian, cabutan nombor bertuah, persembahan kebudayaan dan poco-poco oleh warga KUKUM dan pihak media sendiri. Pada malam tersebut juga, diserikan gimik yang disediakan oleh Unit Komunikasi Korporat, Unit Multimedia dan Unit Kebudayaan.